



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**1,781 KELAS TABIKA PERPADUAN DI SELURUH MALAYSIA
MELAKSANAKAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DI RUMAH PADA HARI PERTAMA PERSEKOLAHAN TAHUN 2021**

Putrajaya, 21 Januari 2021 – Seramai 35,984 orang pelajar di 1,781 Tabika Perpaduan (TP) seluruh negara mengikuti pembelajaran melalui kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) berikut arahan Kementerian Perpaduan Negara untuk menangguhkan operasi pembukaan bersemuka Tabika Perpaduan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0. PdPR telah dilaksanakan secara lancar di seluruh Tadika Perpaduan melalui dalam talian (online), offline atau luar talian (off-site).

2. Daripada 1,781 buah Tabika Perpaduan, sebanyak 1,067 buah (60%) menggunakan PdPR secara offline iaitu bahan pengajaran dihantar melalui Google Classroom, WhatsApp, Telegram, emel dan platform yang sesuai. Manakala sebanyak 658 buah (37%) Tabika Perpaduan mengikuti pembelajaran secara dalam talian (online) iaitu secara langsung (real time) menerusi aplikasi Zoom, Google Meet, Webex dan seumpamanya.
3. Hanya 3% yang mewakili 56 buah tabika mengikuti pembelajaran secara pendekatan luar talian (off-site) iaitu murid diberi tugasan berkaitan dengan lebih awal secara manual. Kaedah secara luar talian (off-site) digunakan apabila terdapat kekangan capaian internet dan ketidakhadiran ibu bapa bersama semasa sesi pembelajaran berlangsung.

4. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique memaklumkan inisiatif dan kreativiti tenaga pengajar kelas Tabika Perpaduan dalam perlaksanaan PdPR ini akan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa melalui latihan dan sokongan peralatan bagi memanfaatkan kemajuan teknologi dan memastikan pembelajaran murid berjalan lancar. Beliau turut mengingatkan semua jentera perpaduan agar sentiasa menjaga kebersihan diri dan memastikan pengamalan norma baharu agar kita dapat bersama memutuskan rantaian COVID-19 ini.

Kementerian Perpaduan Negara

21 Januari 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569
E-mail: pro@perpaduan.gov.my
No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (44)